

# CLC Jeroco juara Apkres 2019

05 28. 9. 2019 16

CLC Jeroco, berjaya menjadi juara Apkres (Apresiasi dan Kreasi Akademik, Olahraga dan Seni) antara CLC Peringkat SMP seluruh Sabah tahun 2019, selepas memperolehi tiga emas dan dua gangsa manakala naib juara dimenangi CLC Baturong yang berjaya mendapat dua pingat emas dan satu perak, disusuli oleh CLC Pahang 2, CLC Segaria dan CLC Pegagau di tempat ketiga dengan meraih dua emas.

Dengan catatan prestasi yang unggul itu, CLC Jeroco yang terletak kira-kira 300km dari Kota Kinabalu ini, berjaya mempertahankan gelaran juara bagi kali ketiga berturut-turut sekali gus berhak membawa pulang Piala Pusingan Konsul Jenderal RI Kota Kinabalu.

Apkres 2019 dengan tema 'Berprestasi dan Unggul dalam Berkarya' ini diadakan di Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) dan



**JUARA:** Cahyono menyampaikan piala pusingan kepada CLC Jeroco.

Kompleks Yayasan Sabah selama 3 hari berturut-turut pada 11-14 September 2019.

Kejohanan itu disertai 624 peserta dari 45 CLC seluruh Sabah. Apkres 2019 mempertandingkan 14 pertandingan dalam bidang akademik diantaranya olimpiade matematik, sains dan karya tulis ilmiah.

Selain itu, dalam pertandingan kreasi seni dan

olahraga yang mengundang juri dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, SIKL, Politeknik Kota Kinabalu, UCSF, UiTM, Yayasan Sabah, professional dan juri kehormat.

Pelaksana Fungsi Pensosbud, Cahyono Rustam yang berucap mewakili Konsul Jeneral Republik Indonesia bagi merasmikan Penu-tupan Apkres 2019 turut

menyampaikan penghargaan dan apresiasi dan sekali gus menggesa peserta agar terus belajar, berkreasi dan mengembangkan inovasi untuk meraih prestasi yang lebih tinggi.

Sementara itu, Pemangku Pengetua SIKK, Kuswanto, dalam ucapannya memberitahu bahawa tujuan utama Apkres adalah untuk mengukuhkan silaturahim antara siswa serta sebagai



**PELANCARAN:** Gimik pelancaran Perasmian Apkres 2019.

wahana pembinaan minat dan bakat peserta didik.

Jelasnya, selain sebagai acara pembinaan dan pengembangan potensi peserta didik, Apkres juga dapat dijadikan sebagai 'feedback', menjadi cerminan sekali gus bahan evaluasi, mengenai pola pembinaan dan proses kegiatan belajar mengajar di CLC yang berlangsung selama ini.

Dengan demikian, Apkres adalah alat, bukan tujuan, an alat pembinaan kesiswaan dan untuk meng-

gali dan mengembangkan potensi siswa.

Pada Majlis Penutupan Apkres 2019 dihadiri oleh Atase Pendidikan dan Budaya Kedutaan Besar Republik Indonesia di KBRI Kuala Lumpur, PF. Pensosbud KRI Tawau, Polis Daerah Kota Kinabalu, ILO TNI, DWP KJRI Kota Kinabalu, SIKL, UCSF, UiTM, Yayasan Sabah, Universiti Malaysia Sabah, Politeknik Kota Kinabalu, siswa dan pendidik CLC SMP seluruh Sabah, kon-

tinjen Apkres dan tamu undangan lain.

Sebanyak empat kategori pertandingan diadakan dengan 14 acara iaitu pertandingan kesenian meliputi menyanyi solo, tari berpasangan, storytelling, dan lukis pensil. Pertandingan olahraga meliputi tenis meja, catur, badminton putera dan puteri.

Bagi pertandingan dalam bidang akademik meliputi pidato, pertandingan cerdas cermat, olimpiade Matematik, olimpiade sains, dan pertandingan hasil eksperimen.

Pertandingan Kreatif menampilkan tiga jenis pertandingan meliputi tata busana, tata boga, dan hasta karya.

Sementara itu, Apkres 2019 berjaya mencungkil ramai bakat-bakat baru dan berpotensi untuk mengikuti pertandingan di peringkat yang lebih tinggi lagi.



**UJI MINDA:** Peserta pertandingan catur yang diadakan pada majlis itu.



**MENARIK:** Persembahan tarian salah satu kekayaan budaya Indonesia.



**PIDATO:** Salah satu pertandingan yang diadakan.



**KAYA TRADISI:** Satu lagi jenistarian yang dipersembahkan pada perasmian Apkres 2019.



**LUAR BIASA:** Persembahan seni silat yang menarik daripada pelajar Indonesia. **KAYA TRADISI:** Satu lagi jenis tarian yang dipersembahkan pada perasmian Apkres 2019.



**MERIAH:** Hadirin yang menjayakan majlis pelancaran Apkres 2019.